

Headline	Berubah kepada politik muafakat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	17	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	682 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,668
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,004



Berubah kepada politik muafakat

Wasatiyyah bukan slogan dicipta Datuk Seri Najib Tun Razak tetapi dicerap daripada hadis Nabi SAW yang berkaitan dengan konsep 'ummatan wasata' iaitu umat yang menghayati kesederhanaan, adil dan seimbang dalam tata cara hidup mereka. Usaha Perdana Menteri adalah untuk merealisasikan konsep wasatiyyah dalam kehidupan rakyat Malaysia yang dilihat begitu signifikan dengan konteks kemajmukannya. Bahagian kedua interviu bersama Ketua Pegawai Eksekutif Institut Wasatiyyah Malaysia, **Mohd Yusof Din** disiarkan sempena Seminar Antarabangsa Penghayatan Wasatiyyah Dalam Kerangka Maqasid Syariah yang sedang berlangsung di Menara Felda, Kuala Lumpur bermula semalam hingga esok.

Soal toleransi dengan bangsa asing, banyak perkara yang telah kita lakukan. Kita jelas boleh bercampur gaul tetapi sentuh soal politik, di situ ada perpecahan, ekstrem dan ada kebencian. Bagaimana cara kerajaan menerusi pendekatan wasatiyyah berupaya mencari jalan penyelesaian bagi masalah ini?

Selepas PRU12, lanskap politik negara kita telah berubah. Apabila masuk PRU13, politik bukan lagi alat untuk membangunkan negara tetapi kita anjurkan politik pertentangan, maksudnya saban masa hanya memperlekehkan lawan.

Apa yang perlu kita anjurkan sebenarnya politik muafakat. Itu yang perlu ada dalam masyarakat hari ini. Dalam konteks mengurus negara, tentunya kita ada perbezaan pandangan. Apatah lagi dalam keadaan masyarakat kita hari ini, kadar literasi golongan bijak pandai sudah semakin ramai.

Baru-baru ini saya bercakap dengan pelajar-pelajar UiTM, saya kata kita perlukan elemen 3K sebagai pemimpin dan anggota masyarakat iaitu yang pertama adalah kritikal. Orang muda idealismenya tinggi dan kita perlu pemikiran kritikal. Tidak semua kerajaan buat betul belaka. Datuk Seri Najib telah katakan zaman 'kerajaan tahu semua' telah berakhir. Oleh itu, kita perlu bagi peluang kepada mereka mengutarakan pandangan. Tidak semua berbeza pandangan tandanya mereka menolak kita.

K yang kedua adalah apabila kita kritikal, perlu ada konstruktif. Ini tidak betul, itu tidak betul. Justeru kita mahukan cadangan rakyat, cara macam mana yang betul supaya keadaan yang tidak betul itu boleh diperbetul untuk kita semua hidup dengan lebih baik. Kita mahukan rakyat k beritahu cara yang betul agar dapat diperbetulkan. Itulah yang dikatakan politik muafakat, tidak semuanya

Headline	Berubah kepada politik muafakat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	17	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	682 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,668
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,004

hanya tahu menghentam sebaliknya memberi idea, cadangan untuk jadi lebih baik.

K yang ketiga adalah elemen kreatif. Ini yang saya nampak kalau kita amalkan politik berterus kebencian, ia akan memberi kesan kepada generasi akan datang. Apa yang berlaku adalah cerminan kepada politik benci itu akan membawa elemen perhubungan dalam masyarakat jadi lebih sukar, masjid dan surau tiada penyatuan, kehidupan masyarakat tiada penyatuan. Seolah-olah kita pakai cermin mata, kita akan nampak label, kalau label sama, menjadi geng kita.

Bagi saya itu yang kita katakan ekstrem. Pemimpin perlu utamakan politik muafakat. Politik muafakat ada dalam tradisi Melayu. Kita biasa dengar disebut muafakat membawa berkat. Keberkatan itu sesuatu yang tidak nampak dan tidak boleh diukur tetapi perlu diusahakan.

Apabila masyarakat kita dilimpahi keberkatam, ekonomi kita semakin berkembang, rakyat akan lebih menyayangi antara satu sama lain, cuaca jadi nyaman, kemarau tidak panjang, sebab keberkatan. Ia ditandai dengan sikap dan perlakuan manusia sendiri.

Malah sehingga hari ini, ada sesetengah anak muda yang sudah jatuh meluat kepada politik, asyik bergaduh sahaja. Saya bimbang, kelangsungan itu lama kelamaan anak muda kita tidak lagi berminat untuk berpartisipasi dengan politik dan perkara itu telah berlaku dalam banyak negara.

Sebab itu bagi saya, dalam konteks pendekatan wasatiyyah, kita perlu tanggapinya dalam bentuk positif supaya kita boleh sama-sama menggunakan tenaga yang ada untuk memberi manfaat sebaiknya kepada rakyat.

Punca perpecahan dalam masyarakat kita yang dikaitkan secara langsung adalah soal politik dalam agama. Mengaku lebih Islam daripada orang lain, dan kumpulan lain pula mengaku lebih mengamalkan Islam bukan sahaja di pentas ceramah politik. Kita tengok keadaan bukan makin baik.

Kalau kita bercakap mengenai politik, orang kita mudah terpengaruh dengan politik label, iaitu melabel pelbagai gelaran.

Hampir separuh masyarakat kita ada media sosial seperti *Facebook* dan pecahan melalui profil yang menggunakan FB, golongan muda paling ramai. Jadi, apabila politik label ini dimasukkan dalam FB, disebarkan dengan rakan-rakan, ini amat berbahaya.

Kawan saya di UUM berkongsi pandangan, bahawa bagus dalam teknologi maklumat ini, kita ke hadapan, tetapi kita tidak latih anak muda ini menapis sumber maklumat. Justeru, kita kena latih mereka apabila terima sesuatu maklumat, perlu tapis. Itu adalah proses yang perlu dilatih dalam diri, iaitu proses sendiri.

Kita perlu kembangkan pemikiran yang begini, supaya akhirnya kita hendak lihat kelangsungan ini dalam bentuk kita ada kasih sayang. Bukan kita lihat semua perkara dalam keadaan benci semahunya, malah sampai satu tahap kita doakan yang buruk kepada pemimpin lawan. Ini sudah berlaku dalam masyarakat kita dan ini sesuatu yang bahaya. Dalam konteks penyatuan ummah, Islam itu bersaudara dan bagaimana kita mahu menjelmakan persaudaraan kalau perbuatan dan soal percakapan itu tidak dijaga.

Ini bahaya sebenarnya. Jadi memang betul cabaran cukup banyak dalam sudut itu tetapi kami di Institut Wasatiyyah mengambil pendekatan kita perlu menjadi jambatan untuk mengajak masyarakat lebih menerima antara satu sama lain.

Apakah tidak ada pendekatan dilakukan secara terbuka oleh tokoh-tokoh kedua belah pihak untuk bincang mencari huraian di mana persamaan dan mengurangkan perbezaan, dalam konteks memahami makna sebenar assobiyah yang jadi punca perbezaan politik kita?

Sebenarnya dalam hidup kita kena ada dua perkara iaitu idealistik dan realistik. Idealistik dari sudut ideal memang begitu, mereka yang ada idealisme apabila bercakap penuh semangat tetapi kita perlu tengok realiti. Realitinya ialah kenapa kita menumpukan kepada orang Melayu? Kerana orang Melayu ketinggalan banyak perkara. Satu lagi, kita kena tengok dalam konteks memperkasakan umat.

Dalam usaha kita bangun umat dari aspek pendidikan dan peluang perniagaan, adakah kita menzalimi bangsa lain? Kalau kita sentuh konteks assobiyah dalam makna literalnya, maksudnya tidak boleh menzalimi bangsa lain, tetapi dalam konteks ini, kita usahakan supaya ia seimbang dengan yang lain. Itu yang sedang dibuat. Apabila keadaan itu ditambah dengan orang ambil kesempatan, memberi kefahaman assobiyah itu dalam erti kata mengikut kefahaman dia, tanpa mengambil kira waqi' Malaysia.

Saya setuju untuk kita adakan wacana dalam bentuk yang sihat seperti ini supaya

masyarakat boleh faham. Ini kerana masyarakat kita mahukan politik hujah, bukan politik cara lama. Kita kena bawa idea yang meyakinkan rakyat. Selama ini kita silap faham. Kefahaman kita dalam soal istilah bukan hakikat.

Rakyat mahu lihat solusi tetapi kita masukkan perbezaan politik dan elemen agama dengan politik hukum. Orang takut dijatuhkan hukuman, bahawa kamu ahli syurga atau ahli neraka. Ini yang berlaku.

Jika ditanya adakah masyarakat kita sudah sampai tahap menerima perbezaan pandangan dan boleh bertoleransi, kita nampak keadaan telah berubah dan ia perlu diterangkan sebaiknya.

Sampai satu tahap, kita mesti ada titik tolak supaya tengok persamaan, bukan perbezaan. Itu kematangan berpolitik. Itu cabaran kepada pemimpin politik kita hari ini. Kalau hendak bina negara, selaku pemimpin kena tarbiah dan didik ahli parti jadi matang, jiwa besar bukannya jiwa kerdil. Itu cabaran sama ada kita mampu atau tidak.

Bagi saya, ia berlaku sebab mereka tidak difahamkan dengan waqi' semasa. Kedua, pastinya kerana mahu lebih berkuasa. Nabi SAW sebut dalam hadis, umat Islam ramai tetapi seperti buih di lautan. Sahabat bertanya mengapa jadi begitu sedangkan ramai membawa maksud kuat. Nabi SAW katakan, ini kerana dua penyakit iaitu cinta dunia dan takut mati. sehingga tidak mahu elemen penyatuan.

Sebab itu, kita kena jiwa besar. Saya tengok, PM sering bersifat terbuka, berlapang dada dan boleh terima perbezaan untuk kemukakan idea. Kalau kita boleh buat begitu, saya tengok pengikut akan ikut pemimpin sebenarnya. Dalam konteks kita pun, Nabi SAW sebut, agama sesuatu umat bergantung kepada pemerintah.

Dalam sejarah Melayu pun, apabila raja peluk Islam, semua rakyatnya memeluk Islam. Orang Melayu secara personalitinya ikut pemimpin. Jadi kita seru kepada pemimpin kedua belah pihak fikirkan elemen penyatuan dan ia perlu dimulakan. Sehingga apabila kita akan bercerita perbezaan, kita anjurkan pemimpin kita berkomunikasi, kena bincang dan berjumpa dan ia perlu dibuat, bukan hanya dalam Parlimen, hujah bidas, tetapi akhirnya dalam umat, dalam segi jangka panjang, akan membina permusuhan. Sedangkan Tembok Berlin yang memisahkan Jerman Barat dan Jerman Timur boleh diruntuhkan. Jadi takkan kita tidak boleh lakukan demikian.

Headline	Berubah kepada politik muafakat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	17	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	682 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,668
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,004



Mohd Yusof Din bersama ulama tersohor dunia, Dr Yusuf Al Qardhawi.